

# PRULink Strategic Fund

Semua data seperti pada 17 Oktober 2020 melainkan jika dinyatakan

Harga Tawaran Awal: 17 Oktober 2020 hingga 30 November 2020

## Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	<p><b>PRU</b>Link Strategic Fund (“Dana”) bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset-aset domestic dan asing termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b></p> <p>Dana ini akan melabur terutamanya dalam syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia yang baru muncul dalam industri atau sektor mereka, yang boleh diaghikan kepada, antara lain, kedudukan yang kuat daya saing dan halangan untuk masuk, atau yang merupakan beneficiari daripada landskap makro semasa.</p> <p>Faktor-faktor Environmental, Social &amp; Governance (“ESG”) akan dipertimbangkan secara umum sebagai sebahagian proses pelaburan.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b></p> <p>Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang berdisiplin dan didorong oleh penilaian boleh menjana pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Ini bertujuan mengeksplorasi peluang di peruntukan aset dan peringkat sekuriti pemilihan melalui penyelidikan dan pengurusan portfolio aktif, dengan memberi tumpuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa panjang pada tahap risiko yang boleh diterima, di samping berpegang teguh kepada garis panduan.</p>
Peruntukan Aset	Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dari mana sehingga 40% akan dilaburkan dalam equiti asing dan baki Nilai Aset Bersih (NAV) Dana akan dilaburkan dalam aset cair secara langsung atau tidak langsung melalui Dana(-dana) Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana.
Piawaian Prestasi	Piawaian prestasi aras mungkin berubah. Pada permulaan, penanda aras adalah:  FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index  <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras sila layari <a href="http://www.bursamalaysia.com/market">www.bursamalaysia.com/market</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun

# **PRU**Link Strategic Fund

Semua data seperti pada 17 Oktober 2020 melainkan jika dinyatakan

Caj-caj lain, jika ada	Tiada
------------------------	-------

## Prestasi Dana

**PRU**Link Strategic Fund adalah dana baru. Sejarah prestasi dana tidak wujud.

**Notis:** Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

# **PRU**Link Strategic Fund

Semua data seperti pada 17 Oktober 2020 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko-Risiko Pelaburan bagi PRU**Link Strategic Fund

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

#### **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

#### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

#### **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

#### **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjelaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

#### **Risiko Ketidakpatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalam syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidakpatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjelaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

#### **Risiko Tumpuan**

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

# **PRU**Link Strategic Fund

Semua data seperti pada 17 Oktober 2020 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

## **Risiko Saham / Penerbit**

Risiko ini merujuk kepada risiko individu syarikat yang menerbitkan sekuriti. Risiko spesifik termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perubahan cita rasa dan permintaan pengguna, saman perundangan, persekitaran operasi yang kompetitif, perubahan suasana industri, dan kesilapan dan kecuaian pengurusan. Walau bagaimanapun, risiko ini diminimumkan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dari sektor yang berbeza, justeru berfungsi secara bebas antara satu sama lain.

## **Risiko Negara**

Risiko ini merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam pengawalan, politik dan ekonomi sesebuah negara. Pelaburan mungkin terjejas oleh keimbangan dalam negara di mana pelaburan dilakukan seperti perkembangan politik domestik, sekatan ke atas pelaburan asing dan penghantaran wang balik ke negara pelabur, perubahan dalam polisi kerajaan, perubahan dalam percukaian dan lain-lain perkembangan dalam perundangan dan pengawalan. Selain itu, kurangnya maklumat umum, infrastruktur perundangan dan ketiadaan piawaian perakaunan, audit dan laporan kewangan yang seragam dan lain-lain amalan dan peruntukan pengawalan mungkin mengurangkan kemampuan untuk melindungi pelabur. Sesetengah sekuriti mungkin dikenakan cukai kerajaan atau melibatkan perbelanjaan perlindungan yang lebih tinggi yang boleh mengurangkan hasil sekuriti tersebut.

## **Risiko Portfolio**

Dana ini bertujuan untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur harus sedar tentang risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

*Senarai di atas tidak sepatusnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pemegang polisi sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pemegang-pemegang polisi sepatusnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.*

## **Pengurusan Risiko**

### **Risiko Peramalan**

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

### **Kawalan Sistem**

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

## **PRU**Link Strategic Fund

Semua data seperti pada 17 Oktober 2020 melainkan jika dinyatakan

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

# PRULink Strategic Fund

Semua data seperti pada 17 Oktober 2020 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran	Dana ini sesuai untuk Pemegang-pemegang polisi yang:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari peningkatan modal yang tinggi dalam tempoh pelaburan jangka masa panjang.</li><li>• Mempunyai toleransi risiko yang tinggi.</li></ul>
• Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan nilai dana dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana <b>PRU</b>Link selepas pemotongan belanja bagi pengurusan, memperolehi, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Prudential akan menilai pelbagai Dana-dana <b>PRU</b>Link pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan Dana-dana <b>PRU</b>Link dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti, Harga Unit dana <b>PRU</b>Link akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Pemegang Polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada nilai dana untuk memulihkan sebarang amaun di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayar bagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% daripada mana-mana Dana <b>PRU</b>Link yang lebih pada suatu Hari Penilaian.</li><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, apabila terdapat jumlah besar jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana Dana <b>PRU</b>Link.</li></ul> <p><i>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</i></p>